

## DESKRIPSI KEESAAN ALLAH S.W.T. MENURUT PERUMPAMAAN DALAM AL-QURAN

### *THE DESCRIPTION OF ALLAH's S.W.T. ONENESS BASED ON THE PARABLES IN THE QURAN*

Syed Sultan Bee Bt. Packeer Mohamed<sup>1</sup>

*Accepted date: 05-08-2018*

*Published date: 12-12-2018*

*To cite this document:* SultanBee. P. (2018). Deskripsi Keesaan Allah S.W.T. Menurut Perumpamaan dalam Al-Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3 (14), 122-137.

**Abstrak:** Menghayati perumpamaan yang terkandung dalam al-Quran merupakan satu pendekatan yang amat berkesan dalam mendidik jiwa manusia. Ia dapat mengubat pelbagai penyakit batin yang melanda manusia termasuklah penyakit-penyakit yang melibatkan akidah. Sejak akhir-akhir ini, kita kerap kali tersentak dengan berita-berita di media massa berkaitan orang Melayu Islam di negara ini yang terlibat dalam isu murtad, ajaran sesat dan fahaman ateisme. Senario ini sangatlah membimbangkan kita sebagai rakyat Malaysia kerana ia merosakkan imej agama Islam yang menjadi agama rasmi negara kita. Justeru, salah satu jalan penyelesaian kepada masalah ini ialah mentadabbur perumpamaan dalam al-Quran yang membicarakan tentang keEsaan Allah s.w.t. Hal ini kerana ia mempunyai pelbagai keistimewaan yang dapat mendorong manusia untuk berfikir dengan hati dan akal mereka tentang keEsaanNya. Sehubungan dengan itu, satu kajian berbentuk kualitatif telah dijalankan untuk meneliti konsep keEsaan Allah s.w.t. serta menganalisis perumpamaan -perumpamaan berkaitan keEsaan Allah s.w.t yang terdapat dalam al-Quran. Bagi mengumpulkan data, kaedah kepustakaan telah digunakan. Manakala bagi menganalisis data pula, kaedah analisis dokumen berbentuk deskriptif telah diimplementasikan. Hasil kajian mendapati bahawa perumpamaan dalam al-Quran dapat memberi kesan yang amat mendalam kepada jiwa manusia dalam memahami konsep keEsaan Allah s.w.t. Ia menegaskan bahawa hanya Allah s.w.t. sahaja Tuhan yang layak untuk disembah dan menolak ketuhanan segala sesuatu selain daripadanya. Pendekatan yang digunakan ialah dengan membawa analogi yang terdapat pada manusia dan haiwan, di mana ianya mudah difahami oleh akal yang sihat. Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat agar menjadikan perumpamaan dalam al-Quran sebagai salah satu kaedah untuk memperbetulkan akidah umat Islam yang terpesong dan juga meningkatkan tahap keimanan mereka terhadap Allah s.w.t.

---

<sup>1</sup> Penulis merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Beliau mendapat pendidikan tinggi di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti al-Azhar, Mesir. Bidang pengkhususan beliau ialah Syariah (Fiqh). Beliau giat menulis dan membuat penyelidikan dalam bidang Pengajian Islam.

**Kata Kunci:** Keesaan Allah S.W.T., Ketuhanan, Perumpamaan Dalam Al-Quran.

**Abstract:** *To comprehend the parables contained in the Quran is a very effective approach that can be used in educating the humans' soul. It can treat various soul related syndromes that affect human, including syndromes involving the Islamic beliefs. In recent time, we are often shocked by the news in the mass media about the Malay Muslims in the country involved in apostasy, heresy and atheism. These scenarios become a big concern for us as Malaysians because it damages the image of Islam, which is the official religion of our country. Hence, one of the solutions to this problem is to observe the parables in the Quran which mention Allah's s.w.t. oneness. This is because it has a variety of privileges which can encourage human to think with their hearts and minds about His oneness. Accordingly, a qualitative study was conducted to examine the concept of Allah's oneness and to analyze the parables related to Allah's oneness which are contained in the Quran. For the purpose of collecting data, the library research method has been used. Meanwhile, for the purpose of analyzing the data, the descriptive document analysis method has been implemented. The findings show that the Quranic parables can give profound effects on the humans' soul in understanding the concept of Allah's oneness. It affirms that Allah s.w.t. is the only God to be worshiped and denies the divinity of anything else other than Him. The approach which had been used is by bringing analogies found in human and animals, which can be easily understood by a healthy mind. This study is expected to create awareness among the society to take the parables in the Quran as one of the methods for correcting faith disorder among Muslims and also increasing the level of their faith towards Allah s.w.t.*

**Keywords:** *Allah's S.W.T. Oneness, Divinity, Parables in The Quran.*

---

## **Pendahuluan**

Perumpamaan merupakan satu gaya bahasa yang menjadi salah satu pendekatan yang digunakan oleh Allah s.w.t. untuk menyampaikan mesejNya dalam al-Quran. Pendekatan ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana ia mampu menjelaskan intipati perintah dan larangan Allah s.w.t. dengan gambaran yang boleh dicapai oleh pancaindera manusia. Oleh itu, mereka dapat memahami dengan cepat maksud yang hendak disampaikan walaupun dengan menggunakan perkataan yang serba ringkas.

Namun begitu, ramai tidak menyedari tentang kepentingan perumpamaan dalam al-Quran ini. Pada hakikatnya, ia dapat mengubat pelbagai jenis penyakit batin yang dihadapi oleh manusia pada zaman ini. Dalam konteks Malaysia, kita kerap kali menyaksikan di media massa kes-kes berkaitan akidah umat Islam di negara ini yang terpesong. Isu-isu seperti murtad, ajaran sesat dan fahaman ateisme banyak dikenalpasti sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Contohnya, pada awal tahun ini, dilaporkan kes empat individu yang mengemukakan permohonan rayuan kepada Mahkamah Persekutuan Kuching agar diisytiharkan sebagai penganut agama Kristian dan menggesa pihak berkuasa Islam Sarawak mengeluarkan surat rasmi menyatakan mereka sudah keluar daripada agama Islam. Walaupun begitu, Mahkamah Persekutuan Kuching menolak rayuan pendengaran kes tersebut (Goh Pei Pei, 2018).

Di samping itu, beberapa ajaran sesat juga didapati bergerak aktif di seluruh negara sejak akhir-akhir ini. Misalnya, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengesahkan 19 kumpulan ajaran sesat dikesan masih aktif di seluruh Selangor sehingga November 2017. Sehubungan itu, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi Selangor, Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi menyatakan bahawa 3 daripada 19 kumpulan ajaran sesat

terbabit dikesan mengancam ketenteraman awam dan negara. Kumpulan-kumpulan tersebut ialah Syiah, Milah Abraham dan Daesh (Siraj Mohd Zaini, 2017).

Selain daripada itu, fahaman ateisme juga didapati semakin menular dalam kalangan anak remaja Islam dewasa ini. Sebagai contoh, sekumpulan anak Melayu beragama Islam dilaporkan menyertai perjumpaan kelab yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan iaitu Kelab Atheist Republic Kuala Lumpur. Program tahunan kelab itu didakwa diadakan secara tertutup di Kuala Lumpur pada hujung tahun lepas. Apa yang lebih memeranjatkan ialah ada anak Melayu dengan bangganya menggelar diri mereka 'bekas Muslim' atau '*ex-Muslim*'. Kewujudan golongan ini bukan sahaja memesongkan akidah umat Islam, tetapi melanggar prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan (Sinar Online, 2017).

Lantaran itu, laporan-laporan seperti di atas amat membimbangkan kita sebagai rakyat Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Ia mencemarkan kesucian agama Islam itu sendiri. Justeru, langkah penyelesaian kepada masalah ini ialah kembali kepada al-Quran yang merupakan penyembuh penyakit rohani dan jasmani manusia. Ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perumpamaan amat berkesan dalam mengubat jiwa manusia yang terganggu. Hal ini kerana ia mempunyai banyak keistimewaan yang membolehkan manusia mengambil pengajaran daripadanya. Antaranya ialah ia menyerupakan sesuatu yang ghaib dengan yang zahir dan abstrak dengan nyata dalam bentuk analogi yang menarik serta mudah difahami oleh akal manusia. Ia juga mengandungi pelbagai pengajaran yang mampu memberi keinsafan kepada manusia yang lalai dan berdosa. Oleh itu, perumpamaan dalam al-Quran sangat sesuai dijadikan sebagai terapi untuk membetulkan akidah umat Islam yang terpesong memandangkan banyak kajian yang membuktikan keberkesannya dalam mendidik jiwa manusia.

### **Objektif kajian**

Kajian ini dijalankan untuk meneliti konsep keEsaan Allah s.w.t. dan menganalisis perumpamaan - perumpamaan berkaitan keEsaan Allah s.w.t yang terdapat dalam al-Quran.

### **Sorotan Karya**

Hasil daripada penelitian, telah ditemui banyak kajian berkaitan perumpamaan dalam al-Quran yang tertumpu kepada keistimewaan dan keberkesanan kaedah perumpamaan dalam memberikan pemahaman tentang mesej al-Quran. Contohnya, kajian Muhammad Ali (2013) menyatakan bahawa memahami perumpamaan al-Quran lebih mendorong jiwa untuk menghayati maksud ayat al-Quran kerana ia menyamakan sesuatu yang ghaib dengan yang nyata, abstrak dengan konkrit dan menganalogikan sesuatu dengan hal yang serupa. Di samping itu, Agus Salim (2013) pula dalam kajiannya menyatakan bahawa Muhammad Abduh berpendapat bahawa perumpamaan dalam al-Quran adalah sebuah gaya penyampaian al-Quran yang mempunyai nilai sastera yang tinggi dan sekaligus menjadi metod dalam penyampaian agar lebih mudah difahami dan menyentuh hati para pembacanya. Kajian ini adalah selari dengan kajian Hasan al-Banna Mohamed, Roslan Ab Rahman, Hashim Mat Zin dan Md Nor Abdullah (2012) yang turut menyatakan demikian.

Dalam pada itu, Sami 'Ato Hasan (2011) pula menyatakan bahawa perumpamaan dalam al-Quran memberi kesan yang mendalam untuk mendidik jiwa manusia. Ia berfungsi untuk menerangkan mesej yang hendak disampaikan dengan gambaran yang boleh dirasai oleh pancaindera manusia. Padanya terkandung hikmah yang menyedarkan manusia yang lalai, menguatkan keazaman mereka serta merawat perasaan mereka yang ditimpa musibah. Kajian ini disokong oleh kajian Mahbub Nuryadien (2017) yang menyatakan bahawa metod

perumpamaan berperanan sangat besar dalam bidang pendidikan kerana ia bertindak sebagai nasihat dan peringatan serta membantu mempercepatkan proses pemahaman bagi tujuan pembelajaran.

Selain itu, Noormawaty Jauhari dan Tengku Intan Zarina Tengku Puji (2015) yang mengkaji tentang keistimewaan ayat-ayat perumpamaan dalam al-Quran mendapati bahawa perumpamaan-perumpamaan ini merupakan salah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk mendidik manusia bagi meningkatkan refleksi pemikiran untuk menghayati ayat-ayat al-Quran.

Di samping kajian-kajian tentang keistimewaan dan keberkesanan perumpamaan dalam al-Quran, terdapat juga kajian yang mengkaji tentang perumpamaan haiwan invertebrata dalam al-Quran. Kajian ini telah dijalankan oleh Mohd Sukki Othman (2015) yang menyatakan bahawa pernyataan tentang haiwan invertebrata di dalam al-Quran menunjukkan kebesaran dan keagungan Allah s.w.t. di samping ia adalah satu fakta biologi untuk dikaji oleh manusia yang dikurniakan akal fikiran dan kemampuan untuk melakukan kajian.

Daripada kajian-kajian yang telah disebutkan di atas, didapati masih kurang kajian yang memfokuskan kepada perumpamaan dalam al-Quran yang berbicara tentang keEsaan Allah s.w.t. Justeru, kajian ini telah memperinci aspek tersebut. Ia diharapkan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menghayati perumpamaan dalam al-Quran sebagai salah satu pendekatan untuk merawat akidah umat Islam yang terpesong. Hal ini kerana kajian-kajian yang lalu telah membuktikan keberkesanannya. Lantaran itu, perumpamaan dalam al-Quran boleh dijadikan sebagai salah satu pendekatan yang digunapakai oleh institusi-institusi yang bertanggungjawab untuk memulihkan akidah individu atau kumpulan yang terjebak dalam permasalahan akidah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kaedah kepustakaan telah digunakan dalam proses pengumpulan data. Karya-karya ulama silam dan kontemporari berkaitan ilmu akidah dan tafsir telah diteliti. Seterusnya dalam proses menganalisis data, kaedah analisis dokumen berbentuk deskriptif telah diaplikasikan dengan sebaik mungkin untuk menganalisis data-data yang terkumpul.

Selanjutnya, artikel ini akan membincangkan tiga sub topik utama iaitu konsep perumpamaan dalam al-Quran, konsep keEsaan Allah s.w.t. dan perumpamaan dalam al-Quran yang berkaitan dengan keEsaan Allah s.w.t. Berikut adalah kupasan tentang ketiga-tiga sub topik tersebut:

#### ***Konsep Perumpamaan dalam Al-Quran***

Perumpamaan merupakan salah satu laras bahasa yang diketengahkan dalam al-Quran al-Karim. Ia digunakan oleh Allah s.w.t. untuk menerangkan persoalan yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia yang merangkumi akidah, syariah, akhlak dan sebagainya. Ia juga mampu membongkar dan mendedahkan sesuatu perkara secara realistik. Oleh itu, tidak hairanlah apabila perumpamaan dalam al-Quran mampu menjadi penawar kepada spiritual manusia yang bermasalah.

Justeru, sebelum perbincangan diteruskan dengan lebih lanjut, adalah penting bagi kita untuk memahami konsep perumpamaan dalam al-Quran. Kupasan tentang konsep ini adalah seperti berikut:

### ***Pengertian Perumpamaan***

Perkataan perumpamaan disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-amthal*. *Al-amthal* ialah kata jamak bagi perkataan *al-mathal* (Anis, Ibrahim, Abdul Halim Muntasir, al-Sowalihi, ‘Atiyyah dan Muhammad Khalfullah Ahmad, t.t.).

Dari sudut bahasa, *al-mathal* bermaksud sesuatu yang dibandingkan dengan yang lain untuk dijadikan sebagai contoh (Ibn Manzur, 1995).

Sementara dari sudut istilah pula, ulama tafsir juga didapati memberi definisi yang sama seperti ahli bahasa. Contohnya, al-Zamakhshari (1995) dalam kitabnya *al-Kashshaf* menyatakan bahawa asal perkataan perumpamaan ialah *al-mithl* iaitu *al-nazir* yang membawa maksud serupa, sebanding dan setara.

Oleh itu, dapatlah kita simpulkan bahawa definisi perumpamaan yang dikemukakan oleh ahli bahasa dan ulama tafsir adalah berkisar kepada ungkapan perbandingan, persamaan, penyerupaan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain.

### ***Kategori Perumpamaan dalam Al-Quran***

Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza mengenai kategori perumpamaan dalam al-Quran. Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa ia terbahagi kepada dua bahagian sahaja iaitu perumpamaan *musarrahah* dan *kaminah*. Ia merupakan pandangan al-Zarkasyi (1957) dan al-Suyuti (1974). Manakala sebahagian daripada ulama yang lain menambah satu lagi kategori iaitu perumpamaan *mursalah* (Muhammad Bakr Ismail, 1986).

Berikut adalah penjelasan mengenai ketiga-tiga kategori perumpamaan tersebut:

#### ***Perumpamaan Musarrahah***

Perumpamaan jenis ini menggunakan perkataan *mathal* secara langsung dan jelas atau menggunakan perkataan yang menunjukkan persamaan (al-Qattan, 2000). Contohnya, firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 17 yang berbunyi:

{مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ}

Maksudnya: “Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun)”.

#### ***Perumpamaan Kaminah***

Perumpamaan jenis ini tidak menggunakan perkataan *mathal* secara langsung sebagaimana perumpamaan *musarrahah*. Tetapi, perumpamaan tersebut diambil daripada makna yang tersirat dalam susunan ayat yang mana maknanya menyamai perumpamaan dan kata-kata hikmah yang terdapat dalam kalangan orang Arab (Muhammad Bakr Ismail, 1986). Al-Suyuti (1974) mendatangkan contoh perumpamaan jenis ini iaitu perumpamaan Arab yang berbunyi:

“خير الأمور أوسطها”

Maksudnya: “Sebaik-baik perkara ialah pertengahannya”. Ia menyamai firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 68 yang berbunyi:

{ لَا فَرْضٌ وَلَا بُكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ }

Maksudnya: “Tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) di antara itu”.

### ***Perumpamaan Mursalah***

Perumpamaan jenis ini tidak mengandungi kalimah *mathal* secara nyata dan maknanya juga tidak menunjukkan sebarang perumpamaan. Ia dianggap perumpamaan kerana penggunaannya yang meluas disebabkan ungkapannya yang ringkas, maknanya yang padat serta kandungannya yang menjadi asas akhlak atau agama (al-Fayyad, 1995). Al-Saghir (1992) mendatangkan contoh perumpamaan jenis ini iaitu ungkapan yang berbunyi:

“ ما تزرع تحصد ”

Maksudnya: “Apa-apa yang kamu tanam, kamu akan menuainya”. Ia bersesuaian dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nisa’, ayat 123 yang berbunyi:

{ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ }

Maksudnya: “Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu”.

### ***Keistimewaan Perumpamaan dalam Al-Quran***

Perumpamaan dalam al-Quran mengandungi pelbagai keistimewaan yang tersendiri sehingga dapat merawat penyakit rohani yang dideritai oleh kebanyakan manusia. Al-Qattan (2000) telah mengenalpasti keistimewaan tersebut. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Perumpamaan dalam al-Quran memperjelaskan perkara *'aqli* (perkara yang digambarkan dalam pemikiran akal) dalam bentuk *hissi* (yang dapat dirasai oleh pancaindera). Ianya lebih memudahkan pemahaman manusia.
- ii. Perumpamaan dalam al-Quran mendedahkan sesuatu yang ghaib (tidak nyata) dalam bentuk yang nyata dan realistik.
- iii. Perumpamaan dalam al-Quran menghimpunkan makna dan maksud yang menarik dalam ungkapan yang ringkas.
- iv. Perumpamaan dalam al-Quran mendidik jiwa manusia agar mudah menyukai suatu sifat yang baik.
- v. Perumpamaan dalam al-Quran mendidik jiwa manusia agar mudah membenci suatu sifat yang keji.

### ***Konsep KeEsaan Allah s.w.t.***

Setiap manusia memerlukan Tuhan yang menciptakannya untuk menjalani kedua-dua kehidupannya di dunia mahupun akhirat. Ia merupakan fitrah semulajadi yang dilemparkan oleh Allah s.w.t. dalam hati nurani setiap manusia. Di samping itu, manusia juga diciptakan dengan sifatnya yang lemah. Dia tidak dapat hidup bersendirian tanpa pertolongan orang lain lebih-lebih lagi Tuhan yang menciptakannya. Hal ini jelas dalam surah al-Nisa, ayat 28 yang berbunyi:

{ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا }

Maksudnya: “Manusia itu dijadikan dalam keadaan lemah”.

Sehubungan itu, untuk memahami konsep keEsaan Allah s.w.t., perbincangan berikutnya adalah berkisar tentang pengertian kalimah ‘Allah’ s.w.t., pengertian dan kategori keEsaan Allah s.w.t.

### ***Pengertian Kalimah ‘Allah’ s.w.t.***

Allah s.w.t. ialah Tuhan yang kita sembah dengan penuh rasa kasih sayang dan kita meyakiniNya sebagai Zat Yang Maha Esa, Pencipta Yang Maha Berkuasa serta Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Ibn al-Qayyim (2008) menyatakan bahawa ‘Allah’ membawa makna semua nama-nama Allah yang selain daripadanya. Ia memberi gambaran kepada kesemua nama-nama tersebut yang berjumlah 98 secara umum. Menurut al-Qurtubi (2003) pula, sesetengah ulama menyatakan bahawa ‘Allah’ merupakan nama Allah yang paling utama. Oleh itu, tiada sesiapa pun dalam kalangan makhlukNya boleh dinamakan dengan nama ini.

Selanjutnya, Ibn al-Qayyim (2008) menjelaskan lagi bahawa nama Allah itu menunjukkan bahawa Dia (Allah) adalah Zat Yang dipertuhankan dan disembah. Dipertuhankan oleh semua makhluk dengan penuh rasa kecintaan, keagungan dan ketundukan. Mereka mengharapkan bantuanNya untuk mencapai semua hajat dan melepaskan mereka daripada semua musibah.

### ***Pengertian KeEsaan Allah s.w.t.***

Sifat Esa yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai ‘*wahdaniyyah*’ merupakan salah satu sifat yang wajib bagi Allah s.w.t. Ia dikategorikan sebagai salah satu sifat ‘*salbiyyah*’ iaitu sifat yang menafikan sesuatu yang tidak layak bagi Allah s.w.t. (al-Fathani, 2017). *Wahdaniyyah* Allah s.w.t. bukan bererti satu dengan pengertian bilangan. Akan tetapi, ia memberi makna bahawa tidak ada Tuhan selainNya. Dalam hal ini, Abu Hanifah (1999) menyatakan:

*“Dan Allah s.w.t. adalah zat Yang Maha Esa bukan dari segi bilangan, tetapi Dia adalah Esa dari segi tiada sekutu bagiNya”.*

Sementara itu, al-Ghazali (2013) pula berkata:

*“Sesungguhnya Allah s.w.t. itu Esa, tidak ada sekutu baginya, dia bersendirian dalam mencipta dan menjadikan sesuatu. Allah tidak ada tandingan yang bekerjasama atau mempunyai kekuasaan yang sama atau lebih daripadanya. Allah tidak ada lawan yang setanding dan mampu menentang kehendak serta kekuasaanNya”.*

Dengan itu, jelaslah kepada kita bahawa tidak ada sesuatu pun yang boleh berkongsi dengan Allah s.w.t. dalam apa jua perkara pun. Malah, Dia adalah Tuhan Yang Maha Esa dan tiada sesuatu pun yang setanding denganNya. Hal ini diterangkan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Ikhlâs, ayat 1-4 yang berbunyi:

{قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (1) اللَّهُ الصَّمَدُ (2) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ (3) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ (4)}

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan; Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya”.

### ***Kategori keEsaan Allah s.w.t.***

KeEsaan (*wahdaniyyah*) Allah s.w.t. terbahagi kepada tiga kategori iaitu (al-Fathani, 2017, Ustazi Othman, 2017):

#### **i. KeEsaan Allah s.w.t. pada zatNya**

KeEsaan Allah s.w.t. pada zatNya membawa erti bahawa zat Allah Yang Maha Agung tidak menyerupai zat makhluk. Zat Allah s.w.t. juga tidak ada bahagian-bahagiannya dan tidak dapat dipecah-pecahkan. Selain itu, zat Allah s.w.t. juga tidak terdiri daripada jirim.

ii. **KeEsaan Allah s.w.t. pada sifatNya**

KeEsaan Allah s.w.t. pada sifatNya bermakna tidak ada makhluk yang mempunyai sifat yang menyerupai sifatNya. Contohnya, tidak ada makhluk yang mempunyai sifat *qudrat* (berkuasa) yang sama dengan sifat *qudrat* Allah s.w.t. Di samping itu, ia juga bermaksud Allah s.w.t. tidak mempunyai berbilang-bilang sifat yang sama jenis. Sebagai contoh, Allah s.w.t. tidak mempunyai dua sifat *iradat* (berkehendak) atau lebih, dua sifat ilmu atau lebih dan begitulah juga sifat-sifatNya yang lain.

iii. **KeEsaan Allah s.w.t. pada perbuatanNya**

KeEsaan Allah s.w.t. pada perbuatanNya bermaksud perbuatanNya tidak sama dengan perbuatan makhluk. Ia juga bermakna Allah s.w.t. tidak bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha menciptakan sesuatu.

Ketiga-tiga kategori telah pun disebutkan oleh Ibn ‘Atoillah al-Sakandari dalam kata hikmahnya yang berbunyi:

*“Sesungguhnya telah yakin dan pasti akan kewujudan Allah Yang Maha Esa dan tidak ada sesuatu pun yang menyerupainya sama ada pada zat, sifat dan perbuatannya”*

(al-Buti, 2003).

***Perumpamaan Dalam Al-Quran Yang Berkaitan Dengan Keesaan Allah S.W.T.***

Al-Quran mengandungi banyak ayat perumpamaan yang berbicara tentang keEsaan Allah s.w.t. Antara contoh ayat tersebut ialah:

i. ***Firman Allah S.W.T. Dalam Surah Al-Zumar, Ayat 29 Yang Berbunyi:***

{ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ}

Maksudnya: “Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba lelaki yang dimiliki oleh beberapa orang yang berkongsi serta bertentangan tabiat dan kemahuannya; dan seorang hamba lelaki yang lain hanya dimiliki oleh seorang sahaja; adakah kedua-dua hamba itu sama keadaannya (Tentulah tidak sama). Ucaplah: "Alhamdulillah" (sebagai bersyukur terhadap penjelasan soal tauhid itu) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid)”.

Ayat di atas membicarakan tentang perumpamaan yang didatangkan oleh Allah s.w.t. mengenai hal keadaan orang musyrik dan orang mukmin. Orang musyrik yang menyekutukan Allah s.w.t. dengan menyembah tuhan-tuhan mereka yang berbilang diibaratkan sama seperti seorang hamba yang dimiliki oleh tuan-tuan yang ramai. Tuan-tuan ini sering bergaduh antara satu sama lain disebabkan oleh akhlak dan perangai mereka yang buruk. Sementara si hamba pula sering berada dalam keadaan bingung kerana dia tersepit di antara permintaan mereka yang berbagai. Dia tidak tahu tuan mana yang harus ditaati. Keadaan ini samalah seperti keadaan orang musyrik yang sentiasa berada dalam kebingungan dan kesesatan. Dia tidak tahu tuhan mana yang patut disembah. Manakala perumpamaan bagi orang mukmin yang mengEaskan Allah s.w.t. pula ialah dia diibaratkan seperti seorang hamba yang dimiliki oleh hanya seorang tuan sahaja. Dia dapat berkhidmat kepada tuannya dengan penuh ketaatan dan keikhlasan. Hal ini kerana dia sangat jelas tentang apa yang perlu dia lakukan dan apa yang perlu dia tinggalkan. Dalam keadaan ini, dia sentiasa berada dalam ketenangan dan terlepas



daripada kebingungan dan kesusahan yang dihadapi oleh hamba yang dimiliki oleh tuan yang ramai tadi (Tantawi, 2007, al-Tabari, 2000).

Tafsiran di atas menunjukkan bahawa perumpamaan ini membabitkan perbandingan di antara perkara *hissi* (zahir) dengan perkara *'aqli* (abstrak). Seorang hamba yang dimiliki oleh tuan yang ramai dan seorang hamba yang dimiliki oleh seorang tuan sahaja merupakan perkara yang zahir dan boleh dicapai melalui pancaindera. Manakala perasaan bingung dan tenang yang digambarkan dalam perumpamaan ini merupakan tanggapan perasaan dalaman manusia.

Kesimpulannya, Allah s.w.t. melalui perumpamaan ini ingin menjelaskan kepada kita tentang keadaan hati orang mukmin dan musyrik. Orang mukmin yang hanya menyembah Allah s.w.t. sahaja sentiasa berada dalam keadaan tenang dan hati yang lapang. Manakala orang musyrik yang mensyirikkanNya sentiasa berada dalam kebingungan dan hati yang sempit. Dalam hal ini, Ibn al-Qayyim (1994) menyatakan bahawa mengEsakan Allah s.w.t. merupakan sebab yang paling utama bagi seseorang mendapat hati yang lapang. Tahap kelapangan hati seseorang pula adalah berdasarkan tahap kesempurnaan dan kekuatan imannya kepada Allah s.w.t. Sebaliknya, menurut beliau, menjauhkan diri daripada Allah s.w.t., menyangkutkan hati dengan selain daripadaNya, lalai daripada mengingatiNya serta mencintai sesuatu selain daripadaNya merupakan sebab-sebab paling utama yang menyempitkan hati. Tambah beliau lagi, sesiapa yang mencintai sesuatu selain daripada Allah s.w.t. akan terseksa dengan cinta itu dan hatinya akan terkurung dengan cinta itu.

Rentetan itu, Ibn 'Asyur (1984) menyatakan bahawa perumpamaan ini mempunyai perkaitan dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Zumar, ayat 22 yang berbunyi:

{ أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِنْ رَبِّهِ فَوَيْلٌ لِلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ مِنْ ذِكْرِ اللَّهِ أُولَئِكَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ }

Maksudnya: “Jika demikian, adakah orang yang telah dilapangkan Allah dadanya untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada dalam cahaya (hidayah petunjuk) dari Tuhannya, (sama seperti orang yang tertutup mata hatinya dengan selaput kedherhakaan)? Maka kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang keras membatu hatinya daripada menerima peringatan yang diberi oleh Allah. Mereka yang demikian keadaannya, adalah dalam kesesatan yang nyata”.

Jelas daripada ayat di atas bahawa hati orang mukmin akan dilapangkan oleh Allah s.w.t. Malahan, hati mereka akan diterangi oleh cahaya hidayah. Sebaliknya, hati orang musyrik akan disempitkan oleh Allah s.w.t. Malahan, hati mereka akan menjadi keras kerana tidak beriman dengan Allah s.w.t.

**ii. Firman Allah S.W.T. Dalam Surah Al-Rum, Ayat 28 Yang Berbunyi:**

{ ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِنْ أَنْفُسِكُمْ هَلْ لَكُمْ مِنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ شُرَكَاءَ فِي مَا رَزَقْنَاكُمْ فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ كَخِيفَتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ }

Maksudnya: “Dia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu menerima sebahagian dari hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi rakan kongsi kamu pada harta benda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu, mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (menguruskan harta benda itu dengan tiada persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (berbuat demikian dengan orang-orang yang berkongsi dengan kamu - yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami

*menjelaskan keterangan-keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya”.*

Allah s.w.t. dalam ayat ini mendatangkan perumpamaan yang diambil daripada sesuatu yang paling dekat dengan manusia iaitu sifat yang ada pada diri mereka sendiri. Tantawi (2007) ketika mentafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa ia membawa maksud seolah Allah s.w.t. berkata kepada manusia: “Kamu tidak rela berkongsi harta yang Kami berikan kepada kamu dengan hamba-hamba kamu. Malah, kamu juga tidak rela untuk tidak bebas menguruskan harta kamu tanpa persetujuan mereka seperti mana keadaan kamu jika berkongsi harta dengan orang merdeka yang setaraf dengan kamu. Hamba-hamba ini adalah manusia seperti kamu. Kamilah yang mencipta mereka seperti mana Kami mencipta kamu. Oleh itu, jika beginilah hal keadaan kamu bersama hamba-hamba kamu yang kamu tidak ciptakan mereka, maka bagaimana mungkin kamu menyekutukan Kami dengan hamba-hamba yang Kami cipta. Perbuatan kamu ini sangat nyata percanggahannya. Hal ini kerana kamu tidak rela berkongsi harta dengan hamba-hamba kamu tetapi kamu rela menyekutukan Kami dengan hamba-hamba Kami”.

Demikianlah betapa jelas sekali Allah s.w.t. membuat satu perumpamaan bagi memahamkan manusia bahawa mereka tidak boleh menyekutukanNya dengan sesuatu yang lain. Hal ini disokong oleh al-Qurtubi (2003) ketika mengulas ayat ini dengan berkata:

*“Sesetengah ulama berkata: Ayat ini menunjukkan keharusan perkongsian antara manusia kerana mereka saling memerlukan antara satu sama lain. Sebaliknya, ia menafikan perkongsian (syirik) pada hak Allah s.w.t.”.*

Daripada penerangan di atas, dapatlah kita fahami bahawa perumpamaan ini melibatkan perbandingan antara dua perkara *‘aqli* (abstrak). Perasaan tidak boleh seorang yang merdeka berkongsi harta benda yang dimilikinya dengan hambanya ialah suatu perkara abstrak dan hanya boleh dirasai melalui deria batin. Begitu juga, perasaan tidak boleh melakukan perkongsian antara Allah s.w.t. dengan makhluk ciptaanNya juga merupakan perkara abstrak yang hanya boleh dirasai dengan perasaan dalaman.

Di samping itu, kita juga boleh merumuskan bahawa Allah s.w.t. sekali-kali tidak menerima sebarang bentuk perkongsian (syirik) dengan sesuatu yang lain. Ianya tidak terhad kepada *syirik jali* iaitu syirik secara terang-terangan yang berlaku apabila seseorang menyembah sesuatu selain daripada Allah s.w.t. Tetapi, ia juga melibatkan *syirik khafi* iaitu syirik secara tersembunyi. Ia terjadi apabila seseorang melakukan amal ibadat bukan semata-mata kerana Allah s.w.t. Sebaliknya, dia melakukannya dengan perasaan riyak dan ‘ujub yang bertujuan untuk mendapat pujian manusia (Tantawi, 2007, al-Buti, 2003).

Di samping itu, *syirik khafi* juga terjadi apabila seseorang mencintai sesuatu selain daripada Allah s.w.t. melebihi cinta kepadaNya. Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menerima hati yang lebih mencintai kaum keluarga, harta benda, pangkat dan sebagainya berbanding cinta kepadaNya (al-Buti, 2003). Hal inilah telah disebut oleh Ibn ‘Atoillah al-Sakandari dalam salah satu kata-kata hikmahnya yang berbunyi:

*“Sepertimana Dia tidak menyukai amal ibadat yang mengandungi unsur syirik, Dia juga tidak menyukai hati yang ada padanya unsur syirik”* (al-Buti, 2003).

iii. *Firman Allah S.W.T. Dalam Surah Al-‘Ankabut, Ayat 41 Yang Berbunyi:*

{مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ}

Maksudnya: “Misal bandingan orang-orang yang menjadikan sesuatu yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang paling lemah ialah sarang labah-labah, kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan”.

Ayat ini didatangkan oleh Allah s.w.t. dengan tujuan untuk membuktikan kejahilan orang musyrik serta mencela perbuatan mereka yang menyembah selain daripada Allah s.w.t. (Tantawi, 2007). Mereka menyembah berhala dengan harapan berhala tersebut memberi manfaat kepada mereka dan melindungi mereka daripada sebarang bentuk kemudaratan. Perbuatan mereka ini disamakan oleh Allah s.w.t. dengan perbuatan labah-labah yang membuat sarang dengan harapan sarang itu dapat memberi perlindungan kepadanya. Namun, sarang tersebut sifatnya sangatlah lemah. Ia tidak dapat menyelamatkan labah-labah itu daripada sebarang bentuk bahaya mahupun melindunginya daripada cuaca panas dan sejuk. Malah, sarang itu dengan mudah sekali boleh musnah akibat diterbangkan oleh angin atau diganggu oleh serangga lain. Begitu jugalah keadaan orang musyrik yang menyembah berhala. Berhala tersebut tidak sedikit pun dapat memberi faedah kepada mereka. Ia juga tidak dapat menyelamatkan mereka daripada sebarang bentuk bahaya. Berhala itu sangatlah lemah seperti sarang labah-labah yang tidak dapat memberi apa-apa kesan kepada labah-labah. Demikianlah juga berhala sembah orang musyrik tidak dapat memberi apa-apa kesan kepada mereka (al-Zuhaili, 2001).

Jelas daripada tafsiran ulama di atas bahawa perumpamaan ini adalah bersangkutan dengan perbandingan antara dua perkara *hissi* (zahir). Perbuatan menyembah berhala yang dilakukan oleh orang musyrik merupakan perkara zahir yang boleh dilihat dengan pancaindera. Begitu juga perbuatan labah-labah membuat sarangnya juga adalah perkara zahir yang boleh dikenalpasti dengan deria luaran.

Dalam pada itu, Mohd Sukki Othman (2015) menyatakan bahawa kajian saintifik mendapati sarang labah-labah adalah tiga kali ganda lebih kukuh sekiranya dibandingkan dengan sarang serangga-serangga yang lain. Namun begitu, ayat perumpamaan ini menegaskan sebaliknya iaitu ia disifatkan sebagai serapuh-rapuh sarang. Menurut beliau, ayat ini boleh ditafsirkan sebagai merujuk kepada hubungan kekeluargaan yang amat rapuh dan bercelaru yang wujud dalam ‘rumah tangga’ labah-labah itu. Hal ini kerana kajian mendapati labah-labah betina menguasai rumah selepas berlakunya persenyawaan. Labah-labah jantan akan menjadi mangsa kepada labah-labah betina, bahkan ia juga akan memakan anak-anaknya. Dalam masa yang sama, anak-anak labah-labah tersebut akan saling berbunuhan di antara satu sama lain.

Selain itu, Mohd Sukki Othman (2015) menyatakan bahawa kajian saintifik moden juga mendapati bahawa sarang labah-labah tidak bertahan lama. Ia tidak boleh bertahan melebihi satu malam kerana selepas daripada itu ia akan menjadi kering dan tidak sesuai lagi untuk dijadikan perangkap kepada serangga kerana bahan lekit yang ada padanya hilang. Justeru, ia dengan jelas menunjukkan bahawa sarang labah-labah adalah sarang yang sangat rapuh.

Menerusi ayat perumpamaan ini, dapat kita rumuskan bahawa Allah s.w.t. ingin membuktikan kepada kita bahawa Dialah sahaja Tuhan Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Kaya dan Yang Memerintah kerajaan langit dan bumi. Selain itu, Allah s.w.t. juga ingin membuktikan bahawa hanya Dialah Tuhan yang layak disembah oleh semua makhluk ciptaanNya. Manakala berhala-berhala serta segala sesuatu yang disembah oleh orang musyrik hanyalah makhluk ciptaanNya yang lemah dan tidak mempunyai sebarang kuasa. Oleh itu, ia tidak sekali-kali mampu memberi sebarang manfaat dan perlindungan kepada orang yang menyembahnya. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Mulk, ayat 1 yang berbunyi:

{تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ}

Maksudnya: “Maha Berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan yang di tanganNya segala kerajaan, dan Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu”.

Tantawi (2007) ketika mentafsir ayat ini menyatakan bahawa maksud ayat “di tanganNya segala kerajaan” ialah di tanganNya sahajalah, bukan di tangan sesiapa pun selain daripadanya segala jenis kekuasaan dan hak untuk memerintah dan melarang. Selain daripada itu, al-Razi (2010) pula menyatakan bahawa ayat ini disebut oleh Allah s.w.t. untuk menegaskan bahawa Dialah Raja dan Pemilik segala kekuasaan. Menurutnya lagi, perkataan ‘tangan’ digunakan untuk menggambarkan kesempurnaan kuasaNya yang menyeluruh. Ia bukanlah membawa erti anggota tangan.

*iv. Firman Allah S.W.T. Dalam Surah Al-Hajj, Ayat 31 Yang Berbunyi:*

{وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخْطَفُهُ الطَّيْرُ أَوْ تَهْوِي بِهِ الرِّيحُ فِي مَكَانٍ سَحِيقٍ}

Maksudnya: “Dan sesiapa yang mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Allah maka seolah-olah dia jatuh dari langit lalu disambar oleh burung, atau dihumbankan oleh angin ke tempat yang jauh (yang membinasakan)”.

Perumpamaan di atas jelas menggambarkan kesudahan yang dahsyat bagi orang musyrik yang mati dalam keadaan dia mempersekutukan sesuatu dengan Allah s.w.t. Sesiapa yang betul-betul mentadabbur perumpamaan ini sudah pasti akan terasa seolah-olah tercabut jantungnya dan tidak sekali-kali berani melakukan perbuatan ini. Tantawi (2007) semasa mengupas ayat ini menyatakan bahawa tujuan Allah s.w.t. mendatangkan ayat ini adalah untuk mengkeji hal keadaan orang musyrik dan perbuatan syirik itu sendiri. Menurut beliau lagi, Allah s.w.t. melalui perumpamaan ini memberi gambaran kepada kita bahawa perbuatan ini akan membawa manusia kepada kebinasaan yang tidak mungkin dapat diselamatkan. Ia diibaratkan dalam dua bentuk perumpamaan. Pertama, keadaan orang musyrik ini disamakan dengan keadaan orang yang jatuh dari langit yang tinggi hingga mencecah ke bumi. Sudah semestinya semua anggotanya hancur berkecai, lalu disambar oleh burung dan dirobek-robek dagingnya. Tiada siapa pun yang boleh menyelamatkannya, malah dia sendiri tidak mampu untuk menyelamatkan dirinya. Atau, keadaan orang musyrik ini diumpamakan seperti orang yang ditiup oleh angin kencang lalu membawanya ke tempat yang sangat jauh dan tidak dapat dikesan oleh sesiapa pun. Oleh itu, binasalah dia kerana tiada orang yang dapat menyelamatkannya (Tantawi, 2007).

Di samping itu, al-Sya’rawi (1997) menyatakan bahawa perkataan langit dalam ayat ini menunjukkan agama Islam dan burung pula menunjukkan syahwat manusia. Manakala angin pula menunjukkan syaitan yang sentiasa memperdaya dan mempermainkan manusia supaya mereka berada jauh daripada jalan yang benar.

Sementara itu, Ibn ‘Asyur (1984) pula menambah bahawa perumpamaan ini menunjukkan bahawa orang musyrik dapat dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan yang pertama terdiri daripada mereka yang tiada harapan untuk selamat daripada perbuatan syirik ini. Kumpulan ini diumpamakan seperti orang yang disambar oleh burung. Manakala kumpulan yang kedua pula ialah mereka yang ada harapan untuk selamat daripada perbuatan ini dengan bertaubat. Namun, taubat bagi mereka adalah sesuatu yang jauh dan sukar bagi mereka memperolehnya. Kumpulan ini disamakan seperti orang yang diterbangkan oleh angin ke tempat yang jauh. Selain Ibn ‘Asyur, al-Zuhaili (1997) turut juga menyatakan perkara ini.

Daripada tafsiran-tafsiran ulama di atas dapatlah kita rumuskan bahawa perumpamaan ini cuba menerangkan sesuatu yang realistik dalam bentuk imaginasi. Hal ini disokong oleh Azhar Muhammad (2008) apabila beliau menyatakan bahawa ternyata perumpamaan ini menggabungkan antara hakikat sebenar dan imaginasi. Seseorang yang mempersekutukan Allah s.w.t. dengan sesuatu yang lain merupakan satu hakikat sebenar dan gambaran seseorang yang jatuh dari langit pula adalah satu imaginasi.

Melalui perumpamaan ini, jelas kepada kita bahawa orang yang mati dalam keadaan syirik kepada Allah s.w.t. tidak akan selamat hidupnya di akhirat nanti. Mereka akan menerima azab yang dahsyat seperti dahsyatnya keadaan dua orang yang digambarkan dalam perumpamaan ini. Hal ini kerana Allah s.w.t. tidak akan sama sekali mengampunkan mereka. Allah s.w.t. telah menegaskan perkara ini dalam firmanNya dalam surah al-Nisa’, ayat 48 yang berbunyi:

{ إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا }

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar*”.

Ayat di atas secara jelas memaklumkan kepada kita bahawa Allah s.w.t. tidak sekali-kali mengampunkan mereka yang mati tanpa bertaubat daripada dosa mensyirikkanNya. Namun, Allah s.w.t. mengampunkan sesiapa yang Dia kehendaki dalam kalangan hambaNya yang membuat dosa selain daripada syirik walaupun dia mati dalam keadaan tidak bertaubat (Tantawi, 2007). Sementara itu, al-Sya’rawi (1997) pula menyifatkan bahawa syirik kepada Allah s.w.t. merupakan suatu pengkhianatan yang besar terhadapNya.

Oleh kerana itu, kita mendapati pada akhir ayat ini Allah s.w.t. menegaskan sekali lagi bahawa sesiapa yang mensyirikkanNya dengan menyembah sesuatu selain daripadaNya, maka dia telah melakukan satu dosa yang tiada keampunan baginya. Hal ini kerana dengan berbuat demikian, dia telah mereka-reka satu pendustaan yang terbesar terhadap Allah s.w.t. dan dia telah melakukan sebesar-besar dosa yang wujud di alam ini (Tantawi, 2007).

Hasil daripada analisis keempat-empat ayat perumpamaan di atas, jelas kepada kita bahawa kesemuanya menyentuh minda dan jiwa setiap manusia yang waras sama ada pendengar atau pembacanya. Setiap analogi dipersembahkan dengan begitu menarik sekali dan boleh diterima oleh logik akal manusia. Justeru, tidak hairanlah bahawa ia mampu memberi pengajaran dan pengiktibaran kepada mereka, lebih-lebih lagi golongan yang jauh terpesong daripada jalan lurus yang direndah oleh Allah s.w.t.

## Kesimpulan

Perumpamaan dalam al-Quran amat berkesan dalam merawat penyakit hati manusia yang kufur. Hasil penelitian ke atas empat potong ayat al-Quran yang mengandungi perumpamaan berkaitan keEsaan Allah s.w.t. telah membuktikan hal ini. Dalam ayat pertama, Allah s.w.t. memaparkan keadaan bahaya yang menanti orang yang mensyirikkanNya dengan menyembah sesuatu selain daripadaNya. Hal ini kerana mereka sentiasa berada dalam kesesatan dan kebingungan akibat hati mereka yang disempitkan oleh Allah s.w.t. Lain pula hal keadaan orang mukmin yang mengEsakanNya. Mereka sentiasa berada dalam ketenangan kerana hati mereka dilapangkan oleh Allah s.w.t.

Selain itu, dalam ayat yang kedua Allah s.w.t. menegaskan bahawa Dia tidak sama sekali akan berkompromi dengan sebarang bentuk syirik kepadaNya sama ada berbentuk *jali* mahu pun *khafi*. Syirik *jali* terjadi apabila seseorang menyembah selain daripada Allah s.w.t. secara terang-terangan. Manakala syirik *khafi* terjadi apabila seseorang melakukan amal ibadat bukan ikhlas kerana Allah s.w.t. semata-mata. Ia juga boleh berlaku apabila seseorang mencintai selain daripada Allah s.w.t. melebihi cinta kepadaNya.

Sementara itu, dalam ayat ketiga Allah s.w.t. membuktikan bahawa hanya Dialah tuhan Yang Maha Esa dan layak disembah. Manakala berhala-berhala dan setiap sesuatu yang menjadi bahan sembah orang kafir adalah makhluk ciptaanNya yang lemah. Hanya Dialah yang berkuasa ke atas setiap sesuatu yang berada di langit dan bumi. Manakala sembah-sembah orang kafir tidak mempunyai apa-apa kuasa yang boleh memberi sebarang faedah kepada penyembahnya.

Dalam pada itu, menerusi ayat perumpamaan yang keempat pula, Allah s.w.t. memberi gambaran yang sangat mengerikan tentang pengakhiran hidup orang yang mati dalam keadaan dia mensyirikkanNya. Dia akan menerima azab yang amat pedih lantaran dosanya itu tidak sesekali akan mendapat pengampunan daripada Allah s.w.t.

Ekoran daripada itu, ternyata kepada kita bahawa kesemua perumpamaan ini disampaikan dalam bentuk yang sangat mudah difahami dan diamati kerana ia tidak jauh lari daripada kehidupan manusia dan boleh dicapai oleh pancaindera. Oleh itu, sudah tentulah ia dapat melembutkan hati mereka yang keras dan menggerakkan akal mereka yang waras untuk berfikir dan mengambil iktibar daripada perumpamaan tersebut. Atas justifikasi tersebut, terbukti bahawa perumpamaan dalam al-Quran boleh menjadi salah satu kaedah untuk memperbetulkan akidah umat Islam yang jauh terpesong daripada landasan yang betul.

## Rujukan

Al-Quran dan terjemahannya

Abu Hanifah, al-Nu'man bin Thabit. (1999). *Al-Fiqh al-Akbar*. Emiriah Arab Bersatu: Maktabah al-Furqan.

Agus Salim. (2013). Metode Darb al-Amthal dalam Al-Qur'an Menurut Pandangan Muhammad Abduh. *Tesis Sarjana*: Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya. Diperolehi daripada <http://digilib.uinsby.ac.id/1234/>

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (2003). *Al-Hikam al-'Atoyyah Syarh wa Tahlil*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

Al-Fathani, Zainul Abidin Muhammad. (2017). *'Aqidah al-Najin fi 'Ilmi Usul al-Din*. Batu Caves: Al-Hidayah Publications.

Al-Fayyad, Muhammad Jabir. (1995). *Al-Amthal fi al-Quran al-Karim*. Riyadh: Al-Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2013). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Qattan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Al-Riyadh : Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdillah Muhammad bin Ahmad. (2003). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Al-Riyadh. Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Razi, Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Umar. (2010). *Mafatih al-Ghaib*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al- 'Arabi.
- Al-Saghir, Muhammad Husayn 'Ali. (1992). *Al-Surah al-Fanniyyah fi al-Mathal al-Quraniy*. Beirut: Dar al-Hadi.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1974). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Al-Haiyah al-Misriyyah al-'Amah li al-Kitab.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli. (1997). *Tafsir al-Sya'rawi*. Kaherah: Matabi' Akhbar al-Yaum.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (2000). *Tafsir al-Tabari*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar. (1995). *al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah. (1957). *Al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al- 'Arabiyyah.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1997). *al-Tafsir al-Munir fi al- 'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2001). *al-Tafsir al-Wasit*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Anis, Ibrahim; Abdul Halim Muntasir; al-Sowalihi, 'Atiyyah & Muhammad Khalfullah Ahmad. (t.t.). *al-Mu'jam al-Wasit*. T.T.P: T.P.
- Azhar Muhammad. (2008). *Perumpamaan al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Goh Pei Pei. (27 Februari, 2018). Rayuan Pendengaran Kes Murtad Ditolak. *Berita Harian Online*. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/393790/rayuan-pendengaran-kes-murtad-ditolak>
- Hasan al-Banna Mohamed, Roslan Ab Rahman, Hashim Mat Zin & Md Nor Abdullah. (2012). Keindahan Gaya Bahasa al-Quran: Suatu Tinjauan Isti 'arah Dalam Juzuk Kedua. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 9, 35-58. Diperolehi daripada [https://www.researchgate.net/publication/259903677\\_Keindahan\\_Gaya\\_Bahasa\\_Al-Quran\\_Suatu\\_Tinjauan\\_Isti'arah\\_Dalam\\_Juzuk\\_Kedua](https://www.researchgate.net/publication/259903677_Keindahan_Gaya_Bahasa_Al-Quran_Suatu_Tinjauan_Isti'arah_Dalam_Juzuk_Kedua)
- Ibn 'Asyur, Muhammad al-Tahir bin Muhammad. (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia. Dar al-Tunisiyyah li al-Nasyr.
- Ibn Manzur. (1995). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al- 'Arabi.
- Ibn al-Qayyim. (1994). *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khairi al- 'Ibad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn al-Qayyim. (2008). *Syarh Ibn al-Qayyim li Asma Allah al-Husna*. Amman: Dar al-Nafais.
- Mahbub Nuryadien. (2017). Metode Amtsal: Metode al-Quran Membangun Karakter. *Jurnal al-Tarbawi al-Haditsah*, 1 (1). Diperolehi daripada <http://download.portalgaruda.org/article.php?article=471520&val=9687&title=METODE%20AMTSAL;%20%20METODE%20%20AL-QURAN%20MEMBANGUN%20%20KARAKTER->
- Mohd Sukki Othman. (2015). Perumpamaan Haiwan Invertebrata dalam Al-Quran. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV, Peringkat Antarabangsa (m.s. 23-43). Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia. Diperolehi daripada [https://www.researchgate.net/publication/282991118\\_Keistimewaan\\_Ayat-Ayat\\_Al-Amthal\\_AL-Qur'an\\_sebagai\\_Refleksi\\_Kepada\\_Kecemerlangan\\_Dalam\\_Pemikiran](https://www.researchgate.net/publication/282991118_Keistimewaan_Ayat-Ayat_Al-Amthal_AL-Qur'an_sebagai_Refleksi_Kepada_Kecemerlangan_Dalam_Pemikiran)

- Muhammad Ali. (2013). Fungsi Perumpamaan dalam al-Quran. *Jurnal Tarbawiyah*, 10 (2), 21-31. Diperolehi daripada <http://stainmetro.ac.id/e-journal/index.php/tarbawiyah/article/view/185/174>
- Muhammad Bakr Ismail. (1986). *Al-Amthal al-Quraniyyah: Dirasah Tahliliyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Amanah.
- Noormawaty Jauhari & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. (2015). Keistimewaan Ayat-Ayat al-Amthal al-Quran Sebagai Refleksi kepada Kecemerlangan dalam Pemikiran. Prosiding Seminar Wahyu Asas Tamadun IV, Peringkat Antarabangsa (m.s.13-22). Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia: Universiti Sains Islam Malaysia. Diperolehi daripada [https://www.researchgate.net/publication/282991118\\_Keistimewaan\\_Ayat-Ayat\\_Al-Amthal\\_AL-Qur'an\\_sebagai\\_Refleksi\\_Kepada\\_Kecemerlangan\\_Dalam\\_Pemikiran](https://www.researchgate.net/publication/282991118_Keistimewaan_Ayat-Ayat_Al-Amthal_AL-Qur'an_sebagai_Refleksi_Kepada_Kecemerlangan_Dalam_Pemikiran)
- Sami 'Ato Hasan. (2011). Perumpamaan dalam al-Quran: Sifatnya sebagai Pendidik dan Pemberi Penjelasan. *Jurnal Dirasat 'Ulum al-Syari'ah wa al-Qanun*, (1),18-30. Diperolehi daripada <https://journals.ju.edu.jo/DirasatLaw/article/viewFile/2635/2366>
- Sinar Online*. (7 Ogos, 2017). Anak Melayu Ateis Dikecam. Diperolehi daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/anak-melayu-ateis-dikecam-1.714624>
- Siraj Mohd. Zaini. (7 November, 2017). 19 Ajaran Sesat Masih Aktif di Selangor. *MyMetro*. Diperolehi daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/11/281377/19-ajaran-sesat-masih-aktif-di-selangor>
- Tantawi, Muhammad Sayyid. (2007). *Al-Tafsir al-Wasit li al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Sa'adah.
- Ustazi Othman. (2017). *Ensiklopedia Asmaul Husna*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.